

NILAI-NILAI LUHUR DALAM CERITA JENAKA MASYARAKAT MELAYU: SATU PENELITIAN KEMASYARAKATAN

*TUAN SITI NURUL SUHADAH TUAN ADNAN**
Universiti Malaysia Kelantan.
sitinurulsuhadahadnan@gmail.com

MOHD FIRDAUS CHE YAACOB
Universiti Malaysia Kelantan.
firdaus.cy@umk.edu.my

SHAMSUL HAZLIYATUL AKMA MOHMAD
Universiti Malaysia Kelantan
akmamohmad@gmail.com

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Cerita jenaka merupakan satu medium yang digunakan oleh masyarakat Melayu bagi menyampaikan nasihat dalam bentuk hiburan. Masyarakat Melayu lampau berupaya untuk menegur kesilapan anggota masyarakatnya tanpa perlu mengaibkan mereka. Masyarakat pada zaman dahulu sangat berhati-hati dalam berkata-kata agar tidak menyinggung mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, cerita jenaka kini kurang disampaikan kepada masyarakat tempatan kerana dianggap sekadar hiburan masa lampau yang tidak seiring dengan peredaran masa. Masyarakat kini lebih terdedah dengan penggunaan teknologi berbanding meluangkan masa untuk membaca buku. Mereka tidak memiliki masa untuk membaca atau menghayati penulisan sastera lama terutama cerita jenaka. Hal ini kerana mereka menganggap cerita jenaka hanya sekadar untuk menghiburkan tanpa ada manfaat yang berpanjangan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai luhur yang terkandung dalam cerita jenaka masyarakat Melayu. Bahan yang diteliti dalam kajian ini ialah sebuah teks yang bertajuk *Terlajak Sengal? Pak Kaduk Vs Pak Pandir* karya Ishak Hamzah (2016). Kajian ini membataskan dua cerita jenaka yang bertajuk *Pak Pandir* dan *Pak Kaduk*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif, iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini turut menggunakan teori pengkaedahan Melayu iaitu menerusi pendekatan kemasyarakatan sebagai deduktif kajian. Hasilnya, kajian ini mendapati bahawa cerita jenaka masyarakat Melayu mampu mendidik nilai luhur kepada kanak-kanak dan remaja. Kajian ini dilihat mampu memartabatkan cerita jenaka sebagai alat perantaraan untuk mendidik sahsiah kanak-kanak dan remaja.

Kata kunci: cerita jenaka; masyarakat; Melayu; pendekatan kemasyarakatan; nilai luhur

NOBLE VALUES IN THE JOKES OF THE MALAY SOCIETY: A SOCIETY RESEARCH

ABSTRACT

*Jokes are a medium used by the Malay community to convey advice in the form of entertainment. The Malay community in the past was able to reprimand the mistakes of its members without having to humiliate them. People in ancient times were very careful in their speech so as not to offend anyone. However, jokes are now less conveyed to the local community because they are considered just past entertainment that is not in line with the passage of time. Society is now more exposed to the use of technology than spending time reading books. They do not have time to read or appreciate old literary writings, especially humorous stories. This is because they consider humorous stories to be just for entertainment without any lasting benefits. Therefore, this study was conducted to identify and analyze the noble values contained in the jokes of the Malay community. The material examined in this study is a text titled *Terlajak Sengal? Pak Kaduk vs Pak Pandir* by Ishak Hamzah (2016). This study limits itself to two humorous stories entitled *Pak Pandir* and *Pak Kaduk*. This study uses a qualitative design, which is based on library and text analysis methods. This study also used the theory of Malay methodology which is through a community approach as a deductive study. As a result, this study found that Malay jokes are able to educate children and adolescents on noble values. This study is seen to be able to elevate jokes as an intermediary tool to educate the personality of children and adolescents.*

Keywords: community approach; jokes; Malay; noble values; society

PENGENALAN

Cerita jenaka merupakan satu bentuk hiburan yang digunakan oleh masyarakat Melayu bagi menyampaikan nasihat kepada anggotanya. Dahulu cerita rakyat dilihat sebagai satu alat hiburan bagi mengisi masa lapang. Namun, hakikatnya cerita jenaka tidak hanya menghiburkan malahan memiliki nilai-nilai yang mengajar anak-anak tentang perlakuan yang baik. Hal ini kerana cerita jenaka menggunakan pelbagai watak supaya tidak membuka aib seseorang dalam anggota masyarakatnya (Low Kok On, 2014). Hal ini kerana penglipur lara berusaha menjaga maruah anggota masyarakat yang melakukan kesalahan. Bagi menegur kesalahan itu, penglipur lara mengubah watak cerita serta menyelit unsur jenaka dalam cerita yang disampaikan. Kenyataan ini disokong oleh Sakinah Abu Bakar (2016) yang mentakrifkan cerita jenaka sebagai cerita lucu yang disampaikan kepada masyarakat Melayu yang bertujuan mendidik keperibadian anggotanya. Cerita jenaka yang disampaikan kebiasaannya mengandungi pelbagai sindiran atau petunjuk bagi menegur kesilapan anggota masyarakat. Cerita jenaka ini tidak disampaikan secara terang-terangan kepada anggota masyarakatnya kerana bimbang nasihat itu akan mengeruhkan tali persaudaraan yang telah terbina. Justeru itu, nasihat yang diutarakan dalam cerita jenaka mampu disampaikan kepada masyarakat setempat sekaligus mampu membentuk keperibadian yang positif.

Cerita jenaka kian berkembang kerana masyarakat mampu memahami nasihat atau mesej yang disampaikan secara tidak langsung. Oleh itu, masyarakat dahulu sangat menitikberatkan hubungan yang berteraskan nilai luhur agar lebih harmoni. Nilai luhur merupakan nilai positif yang lahir daripada insaniah seseorang yang baik budinya. Nilai luhur ini mampu membentuk keperibadian seseorang ke arah yang lebih baik (Mohd Yuszaidy Mohd

Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohamad Rodzi Abd Razak, 2021). Oleh itu, nilai luhur ini mendidik seseorang untuk sentiasa menjaga adab serta moral tidak kira dari sudut perbuatan mahupun percakapan. Nilai luhur ini dilihat sebagai medium yang mampu mendidik seseorang dengan pelbagai etika yang perlu dipatuhi. Melalui nilai luhur yang diterapkan kehidupan bermasyarakat akan lebih harmoni dan sentosa. Kenyataan ini telah disokong oleh Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor (2021) yang mendefinisikan nilai luhur sebagai satu perundangan yang digariskan oleh masyarakat Melayu bagi menjaga tatasusila serta adab kesopanan. Nilai luhur tiada termaktub dalam perundangan bertulis namun masih tetap perlu dipatuhi oleh anggota masyarakat. Hal ini kerana nilai luhur telah menjadi satu kepercayaan serta keyakinan yang utuh kepada anggota masyarakat tua untuk terus menjaga keharmonian sesama mereka. Justeru itu, cerita jenaka yang memiliki nilai luhur perlu dimartabatkan agar tetap diwarisi adab kesopanan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu terdahulu.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Melalui pemerhatian awal, kajian ini mendapati terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji tentang cerita jenaka. Antara kajian lepas yang mengkaji cerita jenaka ialah Low Kok On (2014) yang menjalankan kajian tentang *Superioriti Rakyat dalam Cerita Jenaka Abu Nawas*. Cerita jenaka *Abu Nawas* dilihat memiliki unsur lucu selain bertujuan menyebarkan ilmu agama Islam kepada masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Namun, masyarakat di Tanah Melayu atau dikenali Malaysia kini telah mempunyai pelbagai etnik dan budaya yang dilihat sukar untuk menyesuaikan cerita jenaka tersebut. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis unsur superioriti rakyat yang terkandung dalam cerita Abu Nawas asal dengan cerita Abu Nawas versi Sabah. Kajian ini dihadkan kepada dua buah cerita jenaka iaitu *Abu Nawas asal* dan *Abu Nawas versi Sabah*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif, iaitu berpaksikan kaedah kepustakaan dan lapangan bagi mendapatkan analisis yang kukuh. Kajian ini turut menggunakan teori superioriti bagi memperoleh sebuah analisis yang tepat dan jelas. Hasil kajian ini mendapati penglipur lara telah menyelitkan beberapa unsur superioriti rakyat bagi mengasah pemikiran intelektual masyarakat setempat.

Seterusnya, Sakinah Abu Bakar (2016) juga menjalankan kajian yang bertajuk *Kearifan Tempatan Orang Melayu: Refleksi Melalui Hikayat Pelandok Jenaka*. Kajian ini telah menegaskan tentang kearifan yang terbentuk melalui cerita jenaka yang disampaikan oleh masyarakat tempatan. Cerita jenaka disifatkan sebagai satu hiburan yang penuh dengan iktibar untuk dipelajari bersama-sama masyarakat setempat. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan membincangkan tentang kearifan orang Melayu menerusi *Hikayat Pelandok Jenaka*. Kajian ini membataskan sebuah cerita yang bertajuk *Hikayat Pelandok Jenaka*. Maka, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif, iaitu berlandaskan kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi memperoleh data yang fleksibel. Hasil kajian ini mendapati konflik yang diwujudkan oleh penglipur lara adalah bertujuan membina satu bentuk pemikiran kritis dalam masyarakat Melayu.

Sarjana lain, iaitu Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018) juga menjalankan kajian yang bertajuk *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Perwatakan Positif*. Kajian ini telah memperihalkan tentang cerita jenaka sebagai satu elemen yang memberikan hiburan kepada masyarakat lampau selain bertujuan untuk menegur salah laku anggota masyarakatnya. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan membincangkan tentang manifestasi perwatakan positif menerusi watak cerita jenaka Melayu. Oleh itu, kajian ini membataskan kepada empat cerita jenaka, iaitu *Awang Lurus*, *Pak Pandir*, *Pak Kaduk* dan *Si Luncai*. Kajian ini menggunakan reka bentuk

kualitatif, iaitu berpaksikan kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi mendapatkan data yang terperinci. Hasilnya, kajian ini mendapati terdapat perwatakan cerita jenaka yang dijadikan sebagai manifestasi positif dalam membentuk budaya serta jati diri masyarakat Melayu.

Di samping itu, kajian yang bertajuk *Perspektif 'Melayu Malas' dan 'Melayu Bodoh' oleh Barat serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu* oleh Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar (2020). Kajian ini telah memperjelaskan cerita jenaka sebagai satu medium perantaraan penglipur lara untuk memberikan nasihat kepada masyarakat tempatan. Cerita jenaka yang disampaikan kebiasaannya dimasukkan unsur lucu pada watak agar anggota masyarakat yang lain tidak tersinggung dengan teguran yang diberikan. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis perspektif “Melayu malas” dan “Melayu bodoh” menerusi cerita jenaka. Kajian ini membataskan sebanyak empat cerita jenaka, iaitu *Pak Pandir*, *Pak Kaduk*, *Pak Belalang* dan *Si Luncai*. Maka, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif, iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasil kajian ini telah menangkis perspektif “Melayu malas” dan “Melayu bodoh” kerana setiap cerita jenaka memiliki nilai intelektual tersendiri yang membina pemikiran kritis masyarakat tempatan.

Selain itu, kajian yang bertajuk *Watak dan Nilai Positif dalam Cerita Jenaka Etnik Peribumi Terpilih di Sabah* oleh Asmiaty Amat & Nor Suhaila Sulaiman (2023). Kajian ini telah memperincikan cerita jenaka sebagai satu bentuk penyampaian secara lisan yang diselitkan dengan unsur lucu. Cerita jenaka yang disampaikan memiliki nilai budi yang menjadi pegangan masyarakat setempat. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai positif menerusi watak cerita jenaka etnik terpilih di Sabah. Kajian ini membataskan beberapa cerita jenaka etnik di Sabah seperti *Awang Setampik*, *Si Kanok-kanok* dan *Si Gongkor*, *Kulup Besar dan Kulup Kecil*, *Si Pusong yang Bijak*, *Si Pusong Bersama Tok Imam*, serta *Awang Setampik dan Awang Sembilang*. Maka, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif, iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan lapangan bagi mendapatkan analisis yang berkualiti. Hasil kajian ini mendapati sifat positif dan nilai yang dimiliki dalam cerita jenaka mampu mengukuhkan daya intelektual masyarakat tempatan.

Kajian yang bertajuk *The Research on The Reading in Malay Folklore as a Learning and Teaching Medium Among Students at The University Malaysia Kelantan Through The Kahoot Application* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2023). Kajian ini memperihalkan tentang cerita rakyat Melayu yang sentiasa menjadi sorotan masyarakat dalam membahas aspek teladan. Hal ini kerana cerita rakyat Melayu sangat kaya dengan iktibar dan pengajaran mengenai akhlak yang mulia. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan membincangkan pembacaan cerita rakyat sebagai medium pembelajaran dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Kajian ini membataskan untuk meneliti sebuah cerita rakyat yang ditemui di Tumpat, Kelantan, iaitu *Tok Ayah Sin*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan, lapangan dan soal selidik bagi memperoleh hasil yang mampan. Hasilnya, kajian ini menemukan cerita rakyat Melayu banyak mengajar pelajar-pelajar tentang peradaban yang dimiliki oleh nenek moyang terdahulu yang sangat menitikberatkan hubungan silaturahim.

Di samping itu, sarjana Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2023) turut memperincikan tentang *Akal Budi Orang Melayu menerusi Cerita-cerita Rakyat*. Cerita rakyat merupakan sebuah kisah yang penuh dengan nasihat berguna untuk mendidik tingkah laku masyarakat setempat. Cerita rakyat dilihat sebagai medium yang mampu mendidik akhlak masyarakat setempat agar sentiasa menjaga perlakuan dalam komuniti. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis akal budi orang Melayu dalam cerita rakyat. Kajian ini membataskan beberapa cerita rakyat Melayu yang ditemui dalam teks *Nilai-nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Oleh itu, kajian ini menggunakan reka

bentuk kualitatif, iaitu berlandaskan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini turut menggunakan pengkaedahan alamiah sebagai deduktif yang mampan. Hasilnya, kajian ini mendapati akal budi penting bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang sikap rasional dalam membuat penilaian agar lebih memberi keadilan sosial kepada setiap ahlinya.

Sarjana Mohd Firdaus Che Yaacob, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Tuan Rusmawati Raja Hassan, Norhidayu Hasan, Nur Azuki Yusuff & Nazilah Mohamad (2024) juga meneliti aspek *Moral Values in Malay Folklore: Perspectives of Learners*. Kajian ini membincangkan tentang nilai moral yang terkandung dalam karya kesusasteraan Melayu seperti cerita rakyat. Cerita rakyat dilihat sebagai satu pengajaran yang disampaikan dalam bentuk kisah klasik kepada orang ramai. Cerita rakyat berfungsi untuk memperbetulkan tingkah laku masyarakat setempat yang dianggap terpesong daripada adat-adat yang digariskan oleh nenek moyang Melayu. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan membincangkan perspektif nilai moral dalam cerita rakyat Melayu. Kajian ini membataskan tiga buah cerita rakyat, iaitu *Tok Chok Penyelamat Kampung*, *Asal Usul Nama Jelawat* dan *Bidan Mok Long Haji*. Tiga buah cerita ini diambil di Bachok, Kelantan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berpaksikan kaedah kepustakaan, lapangan dan soal selidik. Kajian ini turut menggunakan pendekatan kemasyarakatan sebagai deduktif yang mampan. Hasilnya, kajian ini menemukan nilai-nilai moral dalam cerita rakyat Melayu mampu mendidik kanak-kanak dan remaja dengan akhlak yang baik.

Secara kesimpulannya, kajian-kajian lepas yang dinyatakan di atas telah memperincikan tentang penyelidikan cerita jenaka di Malaysia. Inti pati kajian lepas dilihat lebih ke arah aspek manifestasi, watak dan perwatakan serta kepercayaan masyarakat setempat dalam membentuk jati diri. Melalui kajian lepas, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kajian lepas kurang tertumpu kepada nilai luhur dalam cerita jenaka Melayu. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi memartabatkan semula nilai luhur yang terkandung dalam cerita jenaka Melayu agar sentiasa beradaptasi dengan peredaran zaman pada hari ini.

PENYATAAN MASALAH

Kajian ini mendapati terdapat beberapa kelompangan menerusi kajian-kajian lepas yang telah dinyatakan pada bahagian sorotan kajian lepas. Kebanyakan kajian lepas lebih tertumpu kepada aspek perwatakan positif, superioriti dan perspektif masyarakat tempatan berbanding nilai luhur dalam cerita jenaka. Antara kajian yang diteliti oleh pengkaji ialah Low Kok On (2014), Sakinah Abu Bakar (2016), Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018), Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar (2020), Asmiaty Amat & Nor Suhaila Sulaiman (2023), Mohd Firdaus Che Yaacob & Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2023), Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2023) dan Mohd Firdaus Che Yaacob, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Tuan Rusmawati Raja Hassan, Norhidayu Hasan, Nur Azuki Yusuff & Nazilah Mohamad (2024). Oleh itu, kajian ini wajar dilaksanakan bagi memartabatkan kembali nilai luhur yang terkandung dalam cerita jenaka Melayu. Hal ini kerana kajian ini mampu mengisi kelompangan yang wujud dalam kajian lepas. Secara tidak langsung, kajian ini mampu memartabatkan cerita jenaka sebagai penyebaran nilai luhur kepada masyarakat setempat.

METODOLOGI KAJIAN

Pada bahagian metodologi, kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif, iaitu berpaksikan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kaedah kepustakaan merujuk kepada pengumpulan

maklumat mengenai cerita jenaka dan konsep nilai luhur secara terperinci. Kaedah kepustakaan ini dilaksanakan melalui bacaan bahan ilmiah. Antara bahan ilmiah yang diteliti ialah buku-buku, jurnal-jurnal, tesis dan sumber Internet yang sahih. Bahan-bahan ini diperoleh dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Perpustakaan Awan Negeri Terengganu dan Perpustakaan Negeri Daerah Hulu Terengganu. Bahan-bahan ini diambil rujukan bagi merumuskan tentang cerita jenaka dan konsep nilai luhur.

Kaedah kedua dalam kajian ini ialah analisis teks. Kaedah ini menggunakan sebuah buku yang bertajuk *Terlajak Sengal? Pak Kaduk Vs Pak Pandir*. Buku ini ditulis oleh Ishak Hamzah pada tahun 2016. Menerusi kajian ini, pengkaji mengambil dua buah tajuk cerita jenaka iaitu *Pak Kaduk* dan *Pak Pandir* bagi menganalisis data secara lebih jelas. Kajian ini turut menggunakan teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan bagi menganalisis cerita jenaka secara lebih jelas. Hal ini kerana pendekatan kemasyarakatan dilihat lebih sinonim dengan gaya hidup masyarakat Melayu khususnya.

TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Pengkaji mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Teori ini memperlihatkan secara jelas tentang cara hidup masyarakat Melayu yang lebih menitikberatkan tatasusila, adat resam serta kepercayaan bagi setiap anggota masyarakatnya. Elemen yang diserlahkan dalam kehidupan masyarakat Melayu telah membentuk satu kebudayaan yang menjadi jati diri mereka. Oleh itu, pengkaji menggunakan salah satu pendekatan dalam teori pengkaedahan Melayu, iaitu pendekatan kemasyarakatan. Pendekatan kemasyarakatan mampu dilihat lebih mementingkan kehidupan yang lebih sejahtera dalam kalangan masyarakat Melayu (Hashim Awang, 2002). Masyarakat sangat mementingkan hubungan yang harmoni dengan anggota yang lain. Hal ini disebabkan oleh masyarakat Melayu mengutamakan aspek keimanan dan ketakwaan dalam menyelesaikan permasalahan. Kedua-dua aspek ini digunakan bagi membantu menyelesaikan percanggahan yang berlaku dalam komuniti agar tiada salah faham. Nilai keimanan dan ketakwaan yang digariskan dalam pendekatan ini secara tidak langsung memberi satu perutusan yang besar dalam kesusasteraan Melayu. Hal ini kerana setiap perlakuan yang dilakukan adalah untuk mencari kebenaran disisi Allah SWT. Justeru itu, masyarakat setempat lebih didorong untuk melakukan kebaikan berlandaskan keadilan yang saksama antara mereka.

NILAI LUHUR DALAM CERITA JENAKA MELAYU

Pada bahagian ini, pengkaji akan menganalisis nilai luhur yang terkandung dalam cerita jenaka Melayu menerusi buku *Terlajak Sengal? Pak Kaduk Vs Pak Pandir*. Antara nilai luhur yang digariskan ialah musyawarah, keyakinan yang tinggi, mengakui kesalahan diri dan saling memaafkan.

Nilai Luhur Melalui Musyawarah

Musyawarah merupakan satu bentuk perundingan yang dilaksanakan oleh sekelompok masyarakat. Sikap ini meliputi perbincangan yang dilakukan bagi mencapai kata sepakat bagi menyelesaikan masalah (Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor, 2016). Musyawarah yang dilaksanakan memberi kesan positif kepada seluruh

masyarakat yang mengamalkannya. Hal ini kerana setiap permasalahan diselesaikan dengan baik tanpa melibatkan unsur kekerasan atau hukuman yang tidak setimpal. Kenyataan ini disokong oleh Asmiaty Amat & Nor Suhaila Sulaiman (2023) yang mentakrifkan musyawarah ialah satu perbincangan yang dilakukan oleh sekelompok individu bagi memperbetulkan kesalahan anggota masyarakat. Musyawarah dilaksanakan dengan adil tanpa melibat unsur negatif sepanjang perbincangan dijalankan. Hal ini bagi memastikan setiap keputusan dalam musyawarah saksama bagi semua pihak. Nilai luhur musyawarah mampu dilihat dalam tajuk cerita *Pak Kadok*. Nilai ini mampu dilihat seperti petikan di bawah:

“Lalu Pak Kadok pun memanggil Mak Siti. “Mak Siti! Mak Siti! Aku ini teringin sangat hendak menyabung ayam di gelanggang raja. Wah, tentu seronok kalau dapat bersabung ayam dengan ayam raja, Mak Siti. Kalaulah ayam sabung aku menang, kayalah kita Mak Siti. Bolehlah kita beli baju yang cantik-cantik. Rumah ini pun boleh kita buat lagi cantik dan lagi besar.” “Tidak payahlah awak berangan-angan. Cukuplah kita dengan pakaian yang ada. Cukuplah kita dengan rumah yang ada. Awak bukan pandai meyabung ayam. Nanti kalah kita. Lagipun kita orang miskin. Apalah yang kita ada untuk ditaruhkan?” kata Mak Siti.”

(Ishak Hamzah, 2016: 6)

Berdasarkan petikan di atas, nilai luhur musyawarah mampu dilihat pada watak Mak Siti dan Pak Kadok. Hal ini kerana kedua-dua watak ini saling berbincang antara satu sama lain sebelum membuat keputusan. Keadaan ini jelas apabila watak Pak Kadok berhasrat untuk sama-sama mengikuti pertandingan sabung ayam di gelanggang raja. Pada mulanya, Mak Siti menolak cadangan Pak Kadok kerana bimbang suaminya itu kalah serta mendapat malu sahaja. Pak Kadok tidak berputus asa memujuk dan meyakinkan Mak Siti dengan cadangannya itu. Akhirnya, Mak Siti mengalah dan menerima cadangan Pak Kadok itu. Hasil perbincangan itu mencapai kata sepakat yang membolehkan Pak Kadok menyertai pertandingan sabung ayam di gelanggang raja.

Seterusnya, nilai luhur musyawarah ini mampu dilihat pada tajuk cerita *Pak Kadok*. Nilai ini diperincikan seperti petikan di bawah:

“Pak Kadok lalu menyerahkan ayamnya kepada Raja Indera Sari. Baginda lalu membelek-belek ayam Si Kunani. Tahulah baginda bahawa ayam Pak Kadok itu ayam bertuah. Dek sifat tamaknya, baginda membuat helah dengan Pak Kadok. “Pak Kadok, beta kasihan melihatkan kamu. Ayam Si Biring Merah kekuning-kuningan ini tidaklah bertuah. Beta kasihan akan Pak Kadok. Marilah kita bertukar ayam. Ambillah ayam beta ini, yang segak lagi gagah ini untuk berlaga.” Pak Kadok yang mendengarkan kata-kata raja terus terasa amat girang kerana raja mengambil berat hal dirinya. Dengan besar hati Pak Kadok mengangkat sembah dan berkata “Ampun tuanku beribu-ribu ampun. Jikalau begitulah titah tuanku, relalah patik.”

(Ishak Hamzah, 2016: 12-13)

Berdasarkan petikan di atas, nilai luhur musyawarah mampu dilihat pada watak Pak Kadok dan Raja Indera Sari. Kedua-dua watak ini dilihat berbincang tentang seekor ayam yang dibawa oleh Pak Kadok. Tujuan Pak Kadok membawa ayam Si Kunani itu adalah untuk bermain sabung ayam di gelanggang Raja Indera Sari. Ketika sampai di gelanggang, Raja Indera Sari telah melihat ayam Si Kunani yang di bawa oleh Pak Kadok. Raja Indera Sari meminta ayam tersebut untuk dilihat. Setelah membelek ayam tersebut, Raja Indera Sari merasakan ayam itu memiliki tuah. Maka, Raja Indera Sari berbincang dengan Pak Kadok

untuk bertukar ayam dengan baginda. Pak Kadok berpendapat Raja Indera Sari sangat baik kepada rakyat sepertinya. Oleh itu, Pak Kadok bersetuju untuk menukarkan ayamnya dengan ayam Raja Indera Sari.

Selain itu, cerita *Pak Pandir* turut menerangkan nilai luhur melalui musyawarah. Nilai ini diperincikan seperti petikan di bawah:

“Setelah menambat kerbau, Pak Pandir pun naik ke atas rumah untuk makan nasi. Pada malamnya, Pak Pandir dan isterinya berbincang untuk mengadakan kenduri pada hari esoknya.”

(Ishak Hamzah, 2016: 43)

Pak Pandir dikatakan telah menukar sabit dengan seekor kerbau lalu ditambat di bawah rumah. Setelah itu, Pak Pandir segera naik ke atas rumah untuk makan nasi. Pada malam hari, Pak Pandir dan Mak Siti telah berbincang tentang kenduri yang akan dijalankan pada hari esok. Kenduri itu untuk mengadakan majlis tahlil arwah anak mereka yang telah meninggal dunia. Maka, bergotong-royonglah Pak Pandir dan isterinya untuk mempersiapkan majlis tersebut. Perbincangan Pak Pandir dan Mak Siti ini dilakukan bagi memastikan majlis tersebut berjalan dengan lancar.

Menurut pandangan Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) musyawarah merupakan satu bentuk perbincangan sekelompok masyarakat. Kegiatan musyawarah ini biasanya dilakukan bagi menemukan penyelesaian ke atas sesuatu masalah. Hal ini kerana tanpa penyelesaian segera, masalah akan menjadi lebih rumit dan sukar diselesaikan. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid & Siti Aishah Jusoh (2021) nilai luhur musyawarah melibatkan perbincangan secara terperinci bagi menyelesaikan masalah secara beramai-ramai. Hal ini kerana masyarakat percaya sesuatu masalah yang diselesaikan bersama-sama lebih cepat dan praktikal berbanding menyelesaikannya seorang diri. Perbincangan ini mampu mengemukakan beberapa pendapat serta cadangan daripada pelbagai pihak untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kepelbagaian corak serta idea mampu mengembangkan institusi masyarakat agar lebih rasional dan mencerminkan integriti komuniti tersebut.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002) memperlihatkan bahawa anggota komuniti yang mementingkan satu kehidupan yang sejahtera. Hal ini jelas menerusi watak-watak cerita di atas yang mementingkan perlakuan yang mensejahterakan komuniti mereka. Setiap keputusan yang diambil akan dipertimbangkan terlebih dahulu sesama mereka sebelum melaksanakannya. Hal ini kerana setiap keputusan akan mempengaruhi kehidupan serta keseluruhan aktiviti sosial masyarakat setempat bukan seorang individu semata-mata. Oleh itu, setiap keputusan perlu dilestarikan dengan perlakuan yang bijaksana dalam kalangan masyarakat. Justeru itu, elemen keimanan dan ketakwaan sering diambil kira bagi memutuskan satu keputusan yang saksama dalam kalangan masyarakatnya.

Nilai Luhur Melalui Keyakinan yang Tinggi

Keyakinan yang tinggi merupakan satu bentuk perspektif yang mampu menilai keupayaan diri sendiri. Menurut Asmiaty Amat & Nor Suhaila Sulaiman (2023) keyakinan mampu dilihat menerusi kepercayaan yang dipegang oleh seseorang. Keyakinan mampu diserlahkan melalui keteguhan minda dan hati seseorang dalam mengharungi cabaran. Hal ini kerana individu tersebut percaya dengan kebolehan yang dimilikinya. Kenyataan ini disokong oleh Mohd

Firdaus Che Yaacob & Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2023) yang berpendapat bahawa keyakinan ialah satu bentuk kepercayaan diri yang tinggi terhadap kemahiran seseorang. Oleh itu, kemampuan seseorang mampu berubah-ubah mengikut daya usaha yang dilakukan. Hal ini membolehkan seseorang mampu memiliki keyakinan yang tinggi terhadap usaha yang telah dilakukan. Nilai luhur melalui keyakinan yang tinggi mampu dilihat pada tajuk *Pak Kadok*. Nilai ini diperincikan seperti petikan di bawah:

“Pak Kadok lalu duduk berfikir-fikir. Dia sudah nekad. Dia mahu bersabung ayam di gelanggang raja. Di gelanggang raja itu, sentiasa ramai orang. Ramai orang yang sentiasa mahu menonton perlawanan sabung ayam. Kalau dia bersabung ayam nanti, tentu ramai yang akan menontonnya nanti. Ramai orang yang akan memerhatikannya. Dia kenalah berpakaian segak. Dia kenalah berpakaian elok sedikit sebagai pemilik ayam sabung, tetapi Pak Kadok tidak memiliki pakaian yang cantik. Di mana dia mahu mendapatkan pakaian yang elok sedikit? Pak Kadok lalu teringat akan kertas panjang yang dibelinya. Kertas itu agak cantik dan agak tebal. Mungkin elok kalau kertas itu dibuat pakaian.”

(Ishak Hamzah, 2016: 7)

Berdasarkan petikan di atas, nilai luhur keyakinan yang tinggi mampu dilihat pada watak Pak Kadok. Watak Pak Kadok dilihat sangat percaya diri dengan kemampuan ayam Si Kunaninya. Oleh itu, Pak Kadok bersungguh-sungguh memohon kepada Mak Siti untuk mengikuti pertandingan sabung ayam di gelanggang Raja Indera Sari. Setelah Mak Siti mengizinkan, Pak Kadok masih berfikir tentang pakaian yang ingin dikenakan pada pertandingan tersebut. Hal ini kerana Pak Kadok enggan malu muka jika berpakaian buruk di gelanggang itu nanti. Setelah sekian lama berfikir, akhirnya Pak Kadok memutuskan untuk menjadikan kertas panjang yang dibelinya sebagai baju. Keputusan ini diambil setelah melihat kertas panjang itu cantik dan tebal. Ketebalan kertas itu membuatkan Pak Kadok berfikir, baju kertas yang akan dikenakan tidak akan koyak. Lalu, Pak Kadok bergegas meminta Mak Siti menjahit kertas tersebut.

Selain itu, nilai luhur keyakinan yang tinggi juga mampu dilihat dalam tajuk cerita *Pak Pandir*. Nilai ini telah diperincikan seperti petikan di bawah:

“Perlahan-lahan Pak Pandir pun menghampiri rusa itu. Lantas dia pun melompat dan menangkap rusa itu. Keempat-empat kaki rusa itu diikatnya, kemudian rusa itu diheretnya. Tiba-tiba rusa itu terjatuh dan menjerit kerana hendak melarikan diri. Namun gagal untuk melarikan diri kerana kakinya diikat dengan kemas.”

(Ishak Hamzah, 2016: 28)

Menerusi petikan di atas, nilai luhur keyakinan yang tinggi mampu dilihat pada watak Pak Pandir. Suatu hari, Mak Andeh yang sedang berpantang telah meminta Pak Pandir memancing ikan di sungai. Pak Pandir bertanya cara untuk memancing. Mak Andeh mengatakan supaya Pak Pandir mencari belalang rusa untuk dijadikan umpan. Pak Pandir yang tidak mengetahui bentuk belalang rusa itu berjalan melilau mencari umpan tersebut. Apabila Pak Pandir melihat seekor rusa jantan, dia telah menangkapnya lalu diheret untuk dijadikan umpan. Hal ini kerana Pak Pandir percaya rusa jantan itulah yang disuruh Mak Andeh untuk dijadikan umpan memancing.

Menurut Low Kok On (2014) keyakinan yang tinggi melibatkan penilaian seseorang ke atas kemampuan dirinya mengikut usaha yang telah dilakukan. Penilaian ini biasanya muktamad tanpa ada pihak mampu mempengaruhi pemikiran individu terbabit. Hal ini kerana

individu tersebut telah sebulat suara untuk mengikuti pendirian serta kepercayaannya berbanding mendengar cadangan orang sekeliling. Penyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2023) yang berpendapat keyakinan yang tinggi ialah satu bentuk penghargaan yang dilakukan oleh seseorang terhadap diri sendiri setelah bersusah payah mengerjakan sesuatu perkara. Hal ini kerana kesungguhannya menerbitkan perasaan percaya dengan usaha yang dilakukan mampu mencapai matlamat utama.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan kemasyarakatan melibatkan segala kegiatan yang mampu memberi keharmonian kepada komuniti. Oleh itu, masyarakat terdorong untuk berkongsi adat serta kepercayaan sesama mereka. Ini bagi memberi keyakinan antara anggota masyarakat untuk saling bertolak-ansur serta saling menjaga satu sama lain. Perkongsian ini mampu mewujudkan masyarakat yang bermuafakat dan saling berusaha bagi mencapai matlamat hidup. Hal ini kerana masyarakat Melayu pada zaman dahulu percaya setiap perkongsian adat mampu memberikan keharmonian kepada anggota komuniti. Keyakinan yang tinggi akan adat serta budaya membuatkan masyarakat lebih bersatu hati dalam menyelesaikan apa-apa masalah dalam komuniti. Maka, hubungan yang baik antara anggota mampu dikecapi tanpa perasaan buruk sangka. Hal ini kerana setiap anggota akan sentiasa menyokong matlamat anggota yang lain tanpa kritikan atau persepsi negatif.

Nilai Luhur dengan Mengakui Kesalahan Diri

Mengakui kesalahan diri merupakan satu tindakan yang dilakukan bagi menjelaskan keadaan sebenar (Mohd Firdaus Che Yaacob, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Tuan Rusmawati Raja Hassan, Norhidayu Hasan, Nur Azuki Yusuff & Nazilah Mohamad, 2024). Tindakan ini dilakukan tanpa paksaan mana-mana pihak. Perbuatan ini dilakukan setelah individu tersebut sedar akan kesilapan yang telah dilakukan. Individu tersebut berupaya untuk memperbaiki diri dengan menjelaskan perkara yang sebenar kepada masyarakat. Hal ini dilakukan agar masalah mampu diselesaikan secara wajar. Menurut Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor (2021) mengakui kesalahan diri ialah satu bentuk tindakan yang membenarkan seseorang untuk jujur dalam berkata-kata. Hal ini dilakukan bagi mengembalikan keharmonian dalam komuniti. Keharmonian komuniti terjejas akibat salah laku yang dilakukan oleh seorang individu.

Nilai luhur melalui mengakui kesalahan diri mampu dilihat dalam tajuk cerita *Pak Kadok*. Nilai ini diterangkan seperti petikan di bawah:

“Mak Siti! Mak Siti! Maafkan aku! Maafkan aku Mak Siti!” Pak Kadok menangis teresak-esak. “Aduhai malangnya nasibku ini! Sudahlah penat berkayuh ke hulu ke hilir, tetapi kebuluran. Seulas nasi pun tak masuk ke perut seharian. Sampai ke rumah, isteriku mati oleh perbuatanku.” Pak Kadok terus meratap-ratap kesedihan.”

(Ishak Hamzah, 2016: 21)

Melalui petikan di atas, mengakui kesalahan diri mampu dilihat pada watak Pak Kadok. Pak Kadok dikatakan baharu sahaja pulang daripada majlis kenduri. Namun, Pak Kadok pulang dalam keadaan lapar kerana tindakannya yang mengayuh perahu berlawanan arus. Maka, Pak Kadok hanya penat berkayuh namun tidak mendapat makanan seperti yang diharapkan. Setelah pulang, Mak Siti pula berseloroh tentang mukanya yang masam sebaik sahaja makan kenduri. Pak Kadok marah lalu memukul Mak Siti hingga mati kerana beranggapan Mak Siti

memerlinya. Pak Kadok menyesali perbuatannya itu lalu menangis tanpa henti. Pak Kadok bergumam sendiri mengakui setiap kesalahannya itu.

Di samping itu, nilai luhur melalui mengakui kesalahan diri turut dilihat dalam tajuk cerita *Pak Pandir*. Nilai ini diterangkan seperti petikan di bawah:

“Mak Andeh pun menangis teresak-esak meratap kematian anaknya itu. Dia lalu menolak Pak Pandir dan mengambil anaknya yang mati itu. Setelah mendengar kata-kata Mak Andeh itu, Pak Pandir baru tersedar yang anaknya sudah meninggal dunia. Dia terus menangis sambil menghentak-hentak kepalanya pada tiang rumah seperti orang hilang akal sehingga menakutkan Mak Andeh.”

(Ishak Hamzah, 2016: 35-36)

Berdasarkan petikan di atas, nilai luhur melalui mengakui kesalahan diri mampu dilihat pada watak Pak Pandir. Keadaan ini terjadi apabila Pak Pandir dikatakan tersalah memandikan anaknya dalam air panas. Tindakan Pak Pandir telah menyebabkan anaknya meninggal dunia. Pak Pandir tidak menyedari hal itu kerana dia menyangkakan anaknya gembira bermain air. Setelah Mak Siti pulang, dia terkejut anaknya mati akibat perbuatan Pak Pandir itu. Mak Siti memarahi Pak Pandir kerana cuai memandikan anaknya itu. Setelah mendengar kata Mak Siti, barulah Pak Pandir menyedari kesilapannya itu. Lantas, Pak Pandir terus menangis menyesali perbuatannya itu sambil menghentak-hentak kepala pada tiang rumah. Tindakan Pak Pandir membuktikan betapa dia sangat menyesali perbuatannya itu.

Lanjutan itu, nilai luhur melalui mengakui kesalahan diri dapat dilihat lagi dalam tajuk cerita *Pak Pandir*. Nilai tersebut diterangkan seperti petikan di bawah:

“Lalu Pak Pandir terus menarik sabit itu dan berjalan kembali ke rumah perempuan tua. Dia bertemu kembali dengan perempuan tua itu semula. Kata Pak Pandir, “Mak cik, ambillah kembali ‘kerbau’ mak cik ini. Andeh suruh minta minta kerbau yang betul, kerbau yang berkaki empat dan bertanduk.”

(Ishak Hamzah, 2016: 42)

Situasi di atas memperlihatkan Pak Pandir yang tersalah sangka sabit sebagai kerbau. Salah faham itu membuatkan Mak Siti memarahi Pak Pandir dan memintanya untuk memulangkan kembali sabit berkenaan kepada pemilik asal. Pak Pandir segera menemui perempuan tua, pemilik sabit untuk memulangkannya. Pak Pandir menjelaskan bahawa sabit bukanlah ‘kerbau’ yang diminta Mak Siti. Pak Pandir menjelaskan Mak Siti inginkan seekor kerbau yang berkaki empat dan bertanduk. Di sini perempuan tua itu mengerti bahawa lelaki dihadapannya adalah seorang yang lurus. Maka, perempuan tua itu memberikan seekor kerbau kepada Pak Pandir.

Menerusi pengamatan daripada Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid & Siti Aishah Jusoh (2021) mengakui kesalahan diri adalah tindakan yang dilakukan dengan sukarela tanpa paksaan mana-mana pihak. Mengakui kesalahan diri meliputi perasaan insaf yang terbit daripada hati seseorang. Hal ini kerana individu tersebut tersedar akan tindakannya itu telah melampaui batas. Maka, individu itu berterus terang supaya tiada pihak yang disalahkan atas kesilapan yang dilakukan. Penyataan ini disokong oleh Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor (2016) yang mentakrifkan mengakui kesalahan diri ialah satu bentuk kesedaran yang waras dilakukan setelah seseorang memahami bahawa tingkah lakunya itu bersimpang daripada undang-undang atau adat yang digariskan. Individu tersebut berusaha

memperbaiki kesalahan itu dengan mengakuinya dan bersedia menerima hukuman daripada masyarakat atau institusi perundangan tempatan.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan kemasyarakatan memperihalkan tentang kesinambungan hidup berkelompok yang berbahagi adat, undang-undang serta kepercayaan yang sama. Maka, masyarakat dalam institusi ini akan berupaya membangunkan komuniti yang harmoni dan rukun. Keadaan ini berlaku akibat perkongsian budaya atau fahaman yang sama antara komuniti. Setiap perbuatan yang salah akan diakui tanpa wujud pihak melindungi orang yang bersalah. Secara tidak langsung, orang yang bersalah akan merasa tidak enak jika masalah tersebut diketahui oleh komuniti. Oleh sebab itu, individu terbabit akan berusaha menjernihkan hubungan dengan mengakui kesalahan diri. Setiap pengampunan yang diperoleh akan dimanfaatkan supaya tidak lagi berbuat kesalahan yang sama. Hal ini bagi mengelakkan berlakunya kesalahfahaman tentang budaya dan perundangan yang cuba dibangunkan oleh komuniti tersebut. Ini kerana masyarakat dahulu sangat mementingkan adat serta adat dalam perhubungan. Oleh itu, masyarakat terdahulu akan sama-sama menjaga sikap toleransi agar tiada isu sensitif dibangkitkan dalam komuniti tersebut. Hal ini kerana mereka sedaya upaya membangunkan perundangan sendiri dan mampu diterima secara baik oleh setiap lapisan komuniti.

Nilai Luhur dengan Saling Memaafkan

Saling memaafkan merupakan satu bentuk hati yang ikhlas dalam menerima keburukan orang lain. Menurut Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohamad Rodzi Abd Razak (2021) saling memaafkan ialah tindakan seseorang yang mengikhlaskan perbuatan jahat seseorang. Tindakan ini dapat diperlihatkan apabila individu yang berbuat jahat datang meminta maaf kepada individu tersebut. Hal ini bagi mendidik pesalah agar tidak mengulangi kesilapan yang sama. Tindakan ini juga mampu memberi peluang kedua kepada pesalah untuk memperbaiki diri. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018) yang berpendapat saling memaafkan ialah satu bentuk kerelaan hati seseorang untuk membebaskan orang yang telah berbuat kesilapan daripada dihukum. Hal ini mampu mendidik anak-anak muda tentang pentingnya bertolak ansur sesama anggota komuniti. Secara tidak langsung, keharmonian dalam komuniti mampu dicapai dengan memupuk persefahaman antara mereka. Nilai luhur melalui saling memaafkan mampu dilihat dalam tajuk cerita *Pak Kadok*. Nilai ini diperincikan seperti petikan di bawah:

“Tuan rumah lalu berkata, “Kasihannya saya kepada Pak Kadok. Penat-penat sahaja datang tetapi suatu pun tak ada lagi untuk dijamu. Maafkan kami, Pak Kadok.” Pak Kadok lalu menjawab, “Tak apalah, bukan rezeki saya.”

(Ishak Hamzah, 2016: 19)

Berdasarkan petikan di atas, saling memaafkan mampu dilihat pada dua watak, iaitu tuan rumah dan Pak Kadok. Situasi ini jelas dilihat apabila Pak Kadok terlambat datang ke majlis kenduri. Pak Kadok terlambat kerana mengayuh perahu berlawanan arus untuk sampai ke rumah tuan rumah. Akibatnya, Pak Kadok terlambat sampai dan makanan di jamuan tersebut telah habis. Hal ini membuatkan tuan rumah merasa tidak enak kerana tidak mampu menjamu Pak Kadok dengan juadah makanan. Oleh itu, tuan rumah telah meminta maaf kepada Pak Kadok akan kesilapannya itu. Permohonan maaf tuan rumah itu diterima baik oleh Pak Kadok. Pak Kadok hanya menganggap itu bukan rezekinya.

Di samping itu, cerita *Pak Pandir* juga menjelaskan tentang nilai luhur saling memaafkan. Nilai ini dijelaskan seperti petikan di bawah:

“Sampai di hutan, kundang-kundang raja yang menjalankan hukuman. Mereka mengasahkan parang dan pisau yang sangat tajam. Maka, meraunglah Pak Pandir meminta maaf. Kundang-kundang tidak sampai hati untuk membunuh Pak Pandir justeru dia hanya orang tua kampung yang dungu dan tolol. “Jangan sesekali kamu kembali tempat ini kalau kamu sayangkan nyawa kamu.” Kata kundang-kundang kepada Pak Pandir.”

(Ishak Hamzah, 2016: 80)

Berdasarkan petikan di atas, nilai luhur melalui saling memaafkan mampu dilihat pada watak kundang-kundang atau orang suruhan raja. Kundang-kundang merupakan orang suruhan raja yang diperintahkan untuk membunuh Pak Pandir. Hal ini kerana Pak Pandir telah menyamar sebagai orang lain untuk tinggal di istana. Tindakan Pak Pandir membuatkan raja murka lalu menghukum Pak Pandir. Sesampainya di hutan, Pak Pandir ketakutan lalu memohon maaf atas perbuatannya sambil menangis. Permintaan maaf Pak Pandir membuatkan kundang-kundang serba salah untuk menjalankan hukuman. Hal ini kerana kundang-kundang menyedari Pak Pandir hanyalah seorang lelaki tua yang dungu dan bodoh. Maka, kundang-kundang ini melepaskan Pak Pandir dengan syarat tidak datang lagi ke tempat itu.

Menurut Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar (2020) saling memaafkan merupakan perwatakan saling bertolak-ansur ketika mengalami keadaan yang buruk. Perwatakan ini melibatkan kebaikan hati seseorang dalam berlapang dada setelah menerima musibah yang tidak terjangka. Hal ini mampu mengajar manusia agar belajar menerima hakikat bukan sekadar menyalahkan takdir semata-mata. Pernyataan ini disokong oleh Sakinah Abu Bakar (2016) yang berpendapat bahawa saling memaafkan adalah satu bentuk perwatakan murni yang mampu membebaskan individu lain daripada hukuman yang berat. Hal ini kerana seseorang itu ingin satu kehidupan yang tenang tanpa menyimpan sebarang dendam terhadap sesiapa pun. Oleh itu, individu tersebut bersedia mengikhlaskan perbuatan buruk orang lain dengan syarat seseorang itu mahu memperbaiki diri ke arah yang lebih baik.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan kemasyarakatan dilihat lebih mengutamakan hubungan sesama masyarakat yang lebih sejahtera. Hubungan sejahtera mampu dibina melalui pemupukan sikap toleransi, saling memaafkan, saling menghormati dan perpaduan. Jika seseorang membuat kesalahan, maka perbuatan memaafkan sangat dititikberatkan dalam komuniti. Hal ini kerana perbuatan memaafkan mampu mewujudkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Oleh itu, masyarakat Melayu pada zaman dahulu sangat menitikberatkan pembelajaran berteraskan ilmu agama Islam. Hal ini kerana pembelajaran ilmu agama Islam mampu meningkatkan ketakwaan dan keimanan seseorang. Apabila ketakwaan dan keimanan diperkukuhkan, maka masyarakat akan hidup lebih harmoni tanpa perselisihan pendapat atau pandangan. Oleh itu, seseorang itu mengikuti ajaran agama Islam sesungguhnya, ia akan memperoleh kedamaian dan keharmonian yang diinginkan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini menemukan beberapa nilai luhur seperti musyawarah, saling memaafkan, berkeyakinan tinggi dan mengakui kesalahan dalam cerita jenaka Melayu. Nilai luhur yang diketengahkan dalam kajian ini mampu membina masyarakat yang berhati mulia.

Nilai luhur ini dipelajari dalam cerita jenaka agar masyarakat setempat mampu menyemai sikap yang baik. Penyampaian cerita jenaka bukan sekadar menghiburkan malah mendidik golongan kanak-kanak dan remaja mengenai perlakuan yang baik. Perlakuan ini seharusnya diamalkan agar mampu membentuk keharmonian sejagat. Oleh itu, penyampaian cerita jenaka penting dalam membentuk sahsiah diri kanak-kanak dan remaja. Nilai luhur dalam cerita jenaka Melayu banyak mendidik anak-anak muda tentang keperibadian yang baik. Hal ini mendidik anak-anak muda agar tetap menjaga tingkah laku ketika berhadapan dengan khalayak.

Pendidikan sebegini penting supaya dapat memastikan citra peradaban yang dimiliki masyarakat Melayu mampu dijaga dengan sebaiknya. Pendidikan yang berteraskan nilai luhur ini mampu membentuk anak-anak muda yang menjaga tatasusila serta menghormati sesama mereka. Hal ini mampu memastikan keharmonian dalam komuniti mampu dikekalkan. Kerukunan sebegini mampu melahirkan masyarakat yang berintergriti dan bijak dalam mengatur negara pada masa akan datang. Oleh itu, penyampaian cerita jenaka Melayu perlu disampaikan secara berterusan supaya anak-anak muda tidak terpesong daripada ajaran tatasusila yang dibina oleh nenek moyang terdahulu.

RUJUKAN

- Asmiaty Amat & Nor Suhaila Sulaiman. 2023. Watak dan Nilai Positif dalam Cerita Jenaka Etnik Peribumi Terpilih di Sabah. *Malay Literature*. 36(1), 1-24.
- Hashim Awang. 2002. Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*. Riviera Bay Resort, 20-23 Jun.
- Ishak Hamzah. 2016. *Terlajak Sengal Pak Kaduk Vs Pak Pandir*. Kuala Lumpur: E Media Multimedia Group SDN. BHD.
- Low Kok On. 2014. Superioriti Rakyat dalam Lelucon Cerita Abu Nawas Asal dan Cerita Abu Nawas Versi Sabah. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 7(2), 152-171.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan. 2023. The Research On The Reading In Malay Folklore As A Learning And Teaching Medium Among Students At The University Malaysia Kelantan Through The Kahoot Application. *International Journal of Multidisciplinary Research and Growth Evaluation*. 4(5), 975-978.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Tuan Rusmawati Raja Hassan, Norhidayu Hasan, Nur Azuki Yusuff & Nazilah Mohamad. 2024. Moral Values In Malay Folklore: Perspectives of Learners. *Synesis*. 16(2), 90-107.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor. 2021. Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak. *Sains Insani*. 6(1), 91-98.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohamad Rodzi Abd Razak. 2021. Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan. *Malaysian Journal of Society and Space*. 17(2), 355-365.
- Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy. 2018. Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Perwatakan Positif. *Jurnal Kesidang*. 1(1), 296-329.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid & Siti Aishah Jusoh. 2021. Polemik dalam Cerita Rakyat sebagai Medium Pendidikan Moral kepada Kanak-kanak. *Jurnal Melayu*. 20(2), 194-212.

- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor. 2016. Wacana Cerita Rakyat Melayu dalam Kalangan Pelajar Korea. *Jurnal Kemusiaan*. 25(1), 12-21.
- Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar. 2020. Perspektif 'Melayu Malas' dan 'Melayu Bodoh' oleh Barat serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*. 2(3), 71-82.
- Sakinah Abu Bakar. 2016. Kearifan Tempatan Orang Melayu: Refleksi melalui Hikayat Pelandok Jenaka. *Malay Literature*. 29(1), 22-41.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. 2020. Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitan Kemasyarakatan. *Journal of Malay Language, Education and Literature*. 11(2), 126-140.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. 2023. Akal Budi Orang Melayu menerusi Cerita-cerita Rakyat. *Journal of Malay Language, Education and Literature*. 14(2), 56-70.

Biodata Penulis:

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan merupakan pelajar Ijazah Doktor Falsafah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Warisan.

Mohd Firdaus Che Yaacob adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Warisan dan Sastera.

Shamsul Hazliyatul Akma Mohmad adalah pelajar Ijazah Doktor Falsafah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Warisan.